



SEBAHAGIAN mahasiswa bersama penduduk bergotong-royong menyediakan makanan dalam Program Pewaris Muda Negara 1Malaysia 2010 di Felda Pasoh 2, baru-baru ini. - UTUSAN/SHAMARUDDIN SAIDIN

PARA peserta Program Pewaris Muda yang terdiri daripada mahasiswa bersama penduduk Felda Pasoh 2 memasak gulai kawah.

92 mahasiswa berkampung tiga hari di Felda Pasoh 2

4 universiti jayakan Pewaris Muda

Oleh SHAMARUDDIN SAIDIN
utusanN9@utusan.com.my

JEMPOL 23 Mac - Demi berbakti untuk masyarakat, sekumpulan mahasiswa dari empat buah universiti seluruh negara berkampung menjayakan Program Pewaris Muda Negara 1Malaysia 2010 di Felda Pasoh 2 di sini baru-baru ini.

Mereka terdiri 92 mahasiswa dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Program yang berlangsung selama tiga hari itu antaranya bertujuan meningkatkan nilai tambah mahasiswa dalam memimpin agama, bangsa dan negara kelak.

Menurut salah seorang peserta yang merupakan penuntut USIM, Atifah Awang Noh, 25, penglibatan mahasiswa dalam masyarakat penting kerana tanggungjawab besar akan digalas oleh mereka setelah keluar dari universiti kelak.

"Kami di sini hadir bagi menepis tanggapan negatif yang menyatakan mahasiswa tidak tahu bersosial dan hanya 'terperuk' di dalam bilik kuliah.

"Di samping itu, kami dapat mencurahkan serba sedikit ilmu pengetahuan kepada masyarakat di sini serta bertukar pandangan berkenaan isu semasa pada masa kini," katanya.

Bagi penuntut UPSI, Farid Md. Zain, 21, program Pewaris Muda ini juga membolehkan mahasiswa lebih berwibawa apabila berhadapan dengan masyarakat.

"Dari masyarakat kami datang kepada masyarakat juga kami kembali untuklah konsepnya dan harus diterap dalam di setiap mahasi-



ATIFAH AWANG NOH



FARID MD. ZAIN



ABDUL AZIZUL HAKIM TUKIMIN



SITI HAJAR HALID

siswa. "Selain itu, kami dapat menyebarkan konsep 1Malaysia dan menerangkan kepada mereka dengan lebih jelas hasrat murni kerajaan ini," katanya.

Dalam pada itu, menyentuh mengenai

program yang dijalankan, banyak peserta berpendapat ia mampu menyemarakkan semangat 1Malaysia di kalangan mahasiswa.

Abdul Azizul Hakim Tukimin, 22, berkata, meskipun berada di tempat orang dirinya tidak kekok dan mudah menyesuaikan

diri dengan keadaan sekeliling.

"Di sini budayanya berbeza, contohnya dari segi makanan, percutian, aktiviti kemasyarakatan dan ini memberikan pengalaman baru bagi diri saya.

"Pengalaman seumpama inilah yang perlu diambil oleh setiap mahasiswa dalam meningkatkan nilai tambah diri mereka supaya mencapai tanda aras yang ditetapkan," ujarnya.

Rakannya, Siti Hajar Halid, 24, berkata, program seperti itu memberikan pengalaman yang berharga dan catatan baru dalam hidupnya.

"Saya tertarik kepada program motivasi kerana kami diberikan tugas dengan menyediakan satu modul bagi pelajar yang akan menghadapi peperiksaan," katanya.